

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 [ISNIN]**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi menyelesaikan isu banjir kilat di Parlimen Papar, dan adakah Kerajaan akan menyediakan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan sistem perparitan di sini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), tanggungjawab untuk membina dan menyenggara parit adalah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain itu, keputusan Jemaah Menteri tahun 1996 telah menggariskan pembahagian tanggungjawab di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga JPS.
2. Semua sistem saliran dalaman iaitu sistem saliran buatan adalah di bawah tanggungjawab PBT manakala sistem saliran asalnya semulajadi iaitu sungai dan anak sungai adalah di bawah JPS. Berikut adalah tanggungjawab mengurus dan menyelenggara sistem perparitan mengikut agensi:
  - i. Saliran semulajadi : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
  - ii. Saliran kampung : Bahagian Pembangunan Luar Bandar (BPLB), Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

## SOALAN NO : 32

- iii. Saliran parit tepi jalan : Jabatan Kerja Raya (JKR)
- iv. Saliran pertanian : Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

3. Walau bagaimanapun, JPS telah mengambil inisiatif dalam membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan melaksanakan Kerja-kerja Penyenggaraan Kolam Takungan Banjir tahun 2021. Sebanyak RM239,740.00 telah diperuntukkan bagi penyenggaraan 10 unit kolam takungan banjir di Parlimen Papar.

4. Manakala di bawah Kerja-kerja Kecemasan di Luar Jangka (Sebelum dan Selepas Banjir) iaitu Kerja-kerja Membaikpulih Parit Saliran Kapur di Kg. Mandahan, Bongawan, Papar dengan kos berjumlah RM49,850.00 juga telah dilaksanakan.

5. Bagi penyelesaian jangka panjang, Kementerian akan mempertimbangkan perlaksanaan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam bagi mengenalpasti punca banjir dan juga sebagai rujukan dalam merancang infrastruktur saliran di kawasan tersebut jika terdapat keperluan dan permohonan daripada negeri.

6. Dalam pada itu, JPS juga sedang melaksanakan Kajian Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) di Malaysia (Fasa 2) Pelbagai Negeri dengan peruntukan berjumlah RM130 juta di seluruh Negara termasuk bagi Sg. Papar.

Sekian, terima kasih.